



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.30/2019

MESYUARAT KHAS BERKAITAN URUSAN PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.27 RANTAU, NEGERI SEMBILAN

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) akan mengadakan Mesyuarat Khas berkaitan urusan Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.27 Rantau, Negeri Sembilan pada **Rabu, 6 Mac 2019 bertempat di Ibu Pejabat SPR, Putrajaya.**

Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **Pengerusi SPR, YBrs. Encik Azhar Azizan Harun** yang akan membincangkan mengenai tarikh-tarikh penting urusan PRK seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian Awal, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya itu.

Satu sidang media akan diadakan selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 4 Mac 2019 / 27 Jamadil Akhir 1440H